BAHASA MELAYU

TAHUN 2

FAHAMAN

ARAHAN:

BACA PETIKAN FAHAMAN DI BAWAH INI, KEMUDIAN BOLEHLAH MEMBUAT LATIHAN YANG DISEDIAKAN.

SELAMAT MENCUBA



LIVEWORKSHEETS


BACA PETIKAN INI:

Haji Amdan mempunyai sebuah bengkel kereta. Bengkel keretanya sangat besar. Setiap hari, banyak pelanggan datang ke bengkelnya untuk membaiki kereta. Perniagaan Haji Amdan sangat maju. Beliau memperoleh keuntungan yang besar.

Kira-kira dua puluh tahun yang lalu, kehidupan Haji Amdan amat berbeza. Ketika itu, umurnya dua puluh tahun. Beliau hanyalah seorang mekanik yang bekerja membaiki kereta. Namun begitu, beliau sangat gigih bekerja. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan diri.

Haji Amdan bercita-cita untuk mengusahakan perniagaannya sendiri. Oleh itu, beliau menyimpan wang gajinya untuk dijadikan modal. Bak kata peribahasa, sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Setelah wang simpanannya mencukupi, Haji Amdan pun menyewa ruang kedai yang kecil. Beliau membuka bengkel keretanya di situ.

Kini, Haji Amdan sudah berjaya. Beliau memiliki bengkel keretanya sendiri. Impian beliau untuk menjadi ahli perniagaan yang berjaya telah terlaksana.



LIVEWORKSHEETS

LATIHAN:

1. Apakah perniagaan Haji Amdan?

2. Berapakah umur Haji Amdan semasa beliau hanya seorang mekanik?

3. Mengapakah Haji Amdan menyimpan wang gajinya?

4. Adakah impian Haji Amdan menjadi ahli perniagaan yang Berjaya terlaksana?

LIVEWORKSHEETS